

MENGANTARABANGSAKAN PENDIDIKAN TINGGI: UNIVERSITI DAN KEWARGANEGARAAN GLOBAL

Irma Wani Othman^{1*},
Muhammad Safuan Yusoff¹,
Hasbullah Awang²
Herlina Jupiter³

Abstrak

Dasar pengantarabangsaan sistem pendidikan tinggi negara meletakkan pelaksanaan strategik, komprehensif dan bersepadu pelbagai pihak dalam usaha menonjolkan keterlihatan Malaysia sebagai hab kecemerlangan akademik. Manakala konsep 'kewarganegaraan global' dijadikan strategi serampang dua mata pemasaran agresif universiti melalui, (i) penglibatan para akademik ekspatriat dalam merangsang kegiatan peringkat antarabangsa pendidikan tinggi negara dan (ii) peningkatan kapasiti enrolmen pelajar antarabangsa bagi pembudayaan ilmu dan pembangunan minda kelas pertama. Dalam aspek tersebut, aspirasi melahirkan masyarakat transnasionalisme melalui kewarganegaraan global mewujudkan identiti komuniti universiti berstatus tanpa sempadan (borderless universities), mengenyahkan warna kulit, merasionalisasi pegangan hidup sejagat dan meliberalisasikan adat resam budaya sesebuah bangsa. Maka sistem pendidikan terdahulu yang diacukan oleh semangat nasionalisme kini beralih arah oleh arus globalisasi, lantas membentuk sistem pendidikan tinggi yang relevan serta dijana oleh keperluan sepanjang zaman. Namun perbincangan timbul apabila penglibatan kewarganegaraan global dikatakan berupaya mengugat autonomi muktamad universiti dalam menentukan hala tuju ehwal akademik dan tadbir urus sumber manusia mereka. Bertitiktolak dari perdebatan tersebut, kajian ini bertujuan untuk menerokai pengalaman 'kewarganegaraan global' para ekspatriat akademik dan golongan pelajar antarabangsa dalam mencorak keperluan dan kepentingan strategik universiti seiring dengan peralihan kontemporari pendidikan tinggi.

Kata Kunci: Dasar Pengantarabangsaan IPT, Kewarganegaraan Global, Akademik Ekspatriat, Pelajar Antarabangsa

2016 GBSE Journal

¹ Pensyarah, Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, 88450, Kota Kinabalu, Sabah,
Tel: +60102108269 E-mail: irma@ums.edu.my

Pengenalan

Pengantarabangsaan universiti adalah agenda vital Pelan Strategik Kementerian Pengajian Tinggi dalam usaha merealisasikan misi dan visi sistem pendidikan negara menuju ke arah pengantarabangsaan (Shamsul A.B, 1992). Seluruh warga universiti memainkan peranan secara efektif mengutilasikan kekuatan sumber fizikal dan modal insan serta pemilikan harta intelektual sejajar dengan dasar pengantarabangsaan sistem pendidikan tinggi negara yang meletakkan pelaksanaan strategik, komprehensif dan bersepadu pelbagai pihak dalam usaha menonjolkan keterlihatan Malaysia sebagai hab kecemerlangan akademik (Irma Wani Othman *et al.*, 2012). Setiap peringkat lapisan warga universiti dikerahkan bersedia untuk menjalani transformasi pemikiran dan amalan bekerja sesuai dengan budaya kerja universiti berstatus global. Namun demikian cabaran terbesar terhadap hasrat Institusi Pengajian Tinggi (IPT) berstatus antarabangsa adalah transformasi besar-besaran terhadap budaya pengurusan dan budaya kerja (A. Aziz Deraman, 2001). Dalam erti kata lain, cara bekerja sama ada dalam kalangan ahli akademik mahupun pihak pentadbiran universiti mestilah berbudayakan cara bekerja universiti bertaraf antarabangsa. Dalam masa yang sama, agenda tersebut bertujuan untuk meningkatkan nilai intelektual warga universiti khususnya tenaga kerjanya dan kebolehpasaran graduan yang dikeluarkan. Usaha menerap minda universiti bertaraf antarabangsa menerusi masyarakat transnasionalisme yang mempunyai status kewarganegaraan dijadikan strategi serampang dua mata menerusi pemasaran agresif universiti iaitu, (i) penglibatan para akademik ekspatriat dalam merangsang kegiatan peringkat antarabangsa pendidikan tinggi negara dan (ii) peningkatan kapasiti enrolmen pelajar antarabangsa bagi pembudayaan ilmu dan pembangunan minda kelas pertama. Justeru itu, kajian ini menerokai pengalaman 'kewarganegaraan global' para ekspatriat akademik dan golongan pelajar antarabangsa berperanan sebagai salah satu penyumbang utama kepada penghasilan modal insan cemerlang.

Sorotan Literatur

Penarafan universiti bertaraf antarabangsa diimplementasikan semenjak 2004 oleh *The Times Higher Education Supplement* (THES) memperlihatkan status intelektual dan pengiktirafan kesarjanaan terhadap kualiti pendidikan tinggi sesebuah negara (Lee Lik Meng, 2006). Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) dimeterai pada 27 Ogos 2007 merupakan titiktolak dasar pengantarabangsaan IPT Malaysia dan dilihat sebagai komitmen negara dalam pelbagai aspek pengantarabangsaan pendidikan tinggi dalam mencapai sasaran menjadi pusat kecemerlangan ilmu peringkat dunia (Sohail Inayatullah, 2005). PSPTN merupakan asas transformasi pengajian tinggi negara yang merangkumi pelbagai dasar, inisiatif dan improvisasi sumber manusia antarabangsa pengurusan universiti. Antaranya adalah mewujudkan penanda aras tinggi bagi kualiti program pengajian yang ditawarkan, peningkatan kemasukan pelajar cemerlang dari luar negara, pengambilan intensif sarjana akademik terkemuka dan berkredibiliti di peringkat antarabangsa, peruntukan tinggi dana serta geran penyelidikan, malahan pembudayaan inovasi penyelidikan yang menghasilkan penerbitan bertaraf antarabangsa (Sohail Inayatullah, 2005; 2006). Universiti bertanggungjawab mendokong misi IPT menuju ke arah pengantarabangsaan melalui jalinan hubungan kukuh di peringkat global, melicinkan aktiviti pertukaran warga akademik, penyelidik dan pelajar, mewujudkan persekitaran pembelajaran kondusif kepada pelajar antarabangsa dan meningkatkan promosi serta aktiviti perekrutan ekspatriat akademik. Justeru itu kebolehpayaan pengurusan universiti dalam memastikan kapasiti ahli akademik

ekspatriat yang bukan sahaja berkelayakan tetapi juga berpengalaman bagi mengisi perjawatan, serta memastikan pengekalan kakitangan antarabangsa mendasari pembangunan sumber manusia universiti tersebut.

Kewarganegaraan Global

Globalisasi dan liberalisasi adalah pemangkin vital dalam mencorak pembudayaan pendidikan tinggi. Konsep globalisasi mempunyai kelangsungan dengan ketamadunan masyarakat warganegara global tanpa sempadan dari aspek perkongsian ilmu sejagat. Sementara itu, konsep liberalisasi menjana ruang pasaran bebas yang mewujudkan perdagangan terbuka bertujuan merangsang teknologi pendidikan global. Fenomena tersebut melahirkan kesinambungan tren pendidikan global dalam mencerna mobiliti sumber manusia berekspatriasi dalam kalangan sarjana akademik dan pelajar antarabangsa.

Sistem pendidikan tinggi berwibawa serta bercirikan daya saing tinggi memudahkan laluan memperolehi pengakreditasi antarabangsa, seterusnya membawa indikasi penerimaan komuniti antarabangsa terhadap kesahihan reputasi sistem pendidikan tinggi yang didokong oleh negara tersebut (Morshidi Sirat, 2007). Pengiktirafan tersebut dianggap mandatori serampang dua mata dalam melengkapkan golongan siswazah berkualiti tinggi dan berkelayakan di peringkat global. Ianya turut memberi impak maksimum dalam menjayakan strategi pemilihan kakitangan antarabangsa menerusi penilaian berdasarkan keserjanaan akademik bidang kepakaran dan kredibiliti ketokohan yang mampu membawa universiti ke tahap kecemerlangan (Sufean Hussin, 2002).

Pembudayaan Nilai Luar

Budaya difahami sebagai suatu cara amalan kehidupan yang merangkumi strata sosial, ekonomi, agama dan pegangan hidup, adat resam kepercayaan, nilai sikap dan pandangan politik (A. Aziz Deraman, 2001). Peranan pembudayaan ilmu warga universiti secara umumnya berupaya mencorak imej sistem pendidikan tinggi negara di mana ianya merupakan asas kepada keperibadian dan identiti sesebuah komuniti. Pembudayaan ilmu yang positif dan proaktif mempunyai sifat untuk berkembang menerusi nilai murni yang mendokong kerohanian, kemanusiaan, spiritual dan mental (Sumit, K. Mandal, 2000). Oleh itu, budaya dianggap sebagai suatu himpunan syumul intelektual dan material yang berfungsi memenuhi aspirasi kemasyarakatan mengikut kehendak semasa. Manakala pembudayaan nilai luar adalah pengaruh budaya yang dibawa masuk ke dalam masyarakat tempatan, diasimilasikan dan menjadi sebahagian dari cara hidup masyarakat tersebut (Nazri Bin Muslim, 2000). Nilai budaya luar yang mendapat tempat dalam pembudayaan ilmu merangkumi ciri-ciri seperti mudah dipelajari, berupaya dikongsi, bersifat sejagat, mempunyai sifat untuk diwarisi, bersifat fleksibel mengikut kehendak masyarakat asal dan mempunyai nilai universal (*worldview*) (Wan Mohd Nor Wan Daud, 1988). Dalam konteks pembudayaan nilai luar melalui kewarganegaraan global dalam sistem pendidikan tinggi pula merujuk kepada budaya bersifat universal, walaupun hakikatnya memperlihatkan perbezaan antara budaya tempatan berbanding budaya luar yang dibawa masuk. Pembudayaan nilai luar berjaya untuk menjadi sebahagian dari budaya dalaman hanya sekiranya budaya tersebut berkembang dan dicorakkan mengikut kesanggupan penerimaan masyarakat tersebut. Sebahagian besar dari elemen pembudayaan nilai luar digunakan bagi mengisi *lacuna* iaitu lompang kekosong budaya asal, manakala sebahagian lagi adalah menokok kepada budaya yang sedia ada. Secara umumnya komuniti universiti merupakan sebuah masyarakat progresif

yang sentiasa berkembang maju dari aspek penerokaan ilmu baru yang meletakkan mereka sebagai sebuah masyarakat yang wajar menerima pembudayaan nilai luar.

Masyarakat Transnasionalisme

Pembinaan komuniti kampus yang mempunyai ciri masyarakat transnasionalisme merupakan aspirasi bagi setiap universiti yang bertaraf dunia. Namun begitu sistem pendidikan yang berbeza dari segi latar belakang mengasingkan individu melalui perbezaan etnik yang berbeza dari aspek bahasa, budaya, falsafah hidup serta pelbagai aspek yang mempengaruhi integrasi dan persefahaman dalam kalangan masyarakat universiti. Dalam proses mencapai integrasi sebuah masyarakat transnasionalisme elemen-elemen seperti akomodasi, akulturasi, asimilasi dan amalgamasi penting dalam menyatupadukan setiap anggota masyarakat universiti tersebut (Abdul Latif Samian, 2005). Konsep akomodasi dirujuk sebagai sebagai suatu proses mengiktiraf dan menghormati norma dan pegangan hidup masyarakat lain, namun dalam masa yang sama tidak lupa dari memperkasakan budaya ibundanya (Abdul Latif Samian, 2005). Manakala konsep akulturasi pula merupakan suatu proses penerimaan unsur budaya luar dan nilai yang berbeza di mana ianya diolah masuk ke dalam budaya asalnya (Abdul Latif Samian, 2005). Proses akulturasi tidak mengakibatkan hilangnya identiti sesebuah bangsa dan masyarakat yang menerimapakai. Malahan ianya selalu disebut sebagai pertembungan dua budaya yang mempunyai unsur peminjaman budaya antara satu sama lain. Dalam konteks tersebut, sistem pengajian tinggi menghadapi cabaran dalam membentuk masyarakat yang mencapai tahap akulturasi. Seterusnya konsep asimilasi pula dilihat sebagai suatu proses penyatuan pelbagai budaya yang berbeza menjadi satu budaya yang baru (Abdul Latif Samian, 2005). Konsep asimilasi menjurus kepada kehilangan identiti budaya bagi masyarakat yang menerima budaya baru tersebut dan proses asimilasi boleh berlaku dalam konteks budaya tanpa menjejaskan kepercayaan terhadap agama. Proses asimilasi hanya berupaya wujud sekiranya interaksi akrab dalam komuniti membawa kepada kesanggupan ahli dalam masyarakat menghilangkan identiti mereka dan menerimapakai identiti yang baru. Akhir sekali konsep amalgamasi menuntut satu budaya bergabung dengan budaya lain membentuk budaya baru (Abdul Latif Samian, 2005). Secara umumnya, konsep integrasi yang dilahirkan bersama warganegara global merupakan unsur kritikal dalam pembentukan modal insan yang beretika dan berakomodatif.

Akademik Ekspatriat

Akademik ekspatriat didefinisikan sebagai ‘profesor dan kakitangan bukan profesor serta individu yang terlibat dalam penyelidikan dan profesion mengajar (Richardson dan MacKenna, 2003). Dari segi bilangan akademik antarabangsa peningkatan pengisian perjawatan memberi indikasi IPT mempunyai kebergantungan yang besar terhadap akademik ekspatriat (Irma Wani Othman *et al.*, 2013). Pembangunan kerjaya akademik ekspatriat berkembang seiring dengan kehendak pasaran antarabangsa. Kajian Irma Wani Othman (2012) mengenalpasti pertambahan bilangan akademik ekspatriat di IPTA Malaysia mewajarkan kepekaan pengurusan sumber manusia antarabangsa agar lebih peka terhadap keperluan sistem pampasan gaji yang lebih kompetitif dan peluang pembangunan kerjaya yang dinamik. Namun dari perspektif sarjana akademik pula amalan penarafan sesebuah universiti untuk diiktiraf berstatus antarabangsa dikatakan bukanlah semata-mata berdasarkan aspek kecemerlangan akademik yang dinilai melalui ‘hasil’ tetapi juga ‘proses’ yang ditempuhi oleh universiti tersebut. Proses dalam melahirkan staf akademik berkaliber dan memartabatkan kesarjanaan ilmu serta dasar proaktif merujuk komitmen kerajaan dalam usaha menjadikan sistem pendidikan tinggi di negara ini mencapai penarafan antarabangsa.

Pelajar Antarabangsa

Fokus perbincangan literatur berhubung pelajar antarabangsa tertumpu pada aspek faktor pendorong kedatangan pelajar ke luar negara dan asimilasi budaya pelajar. Pengoperasian polisi dasar pengantarabangsaan sistem pendidikan tinggi Malaysia melihat kerajaan menetapkan sasaran aliran kemasukan pelajar antarabangsa pada kapasiti 150,000 orang pada tahun 2015 dan dianggarkan meningkat kepada 200,000 orang menjelang tahun 2020 (MOHE, 2013). Namun cabaran terbesar pihak pengurusan universiti adalah memastikan kualiti pendidikan yang ditawarkan dalam kurikulum universiti tidak diketepikan dalam mencapai sasaran pengambilan pelajar antarabangsa. Jaminan kualiti kandungan akademik iaitu merangkumi komponen pengajaran dan pembelajaran mestilah menjadi tarikan jati mobiliti golongan pelajar dari luar negara dalam memilih melanjutkan pengajian di sesebuah universiti dan bukanlah gimik pemasaran semata-mata. Oleh itu, kebanyakan persoalan yang diajukan kepada pelajar antarabangsa adalah mengapa memilih sesebuah negara sebagai destinasi pengajian tinggi dan jawapan yang ingin diperolehi memperlihatkan potensi sistem pendidikan tinggi melahirkan graduan yang berkualiti. Penanda aras (*benchmarking*) kecemerlangan akademik peringkat dunia turut menilai melalui kecenderungan golongan pelajar dalam mengikuti program pertukaran pelajar ke universiti bertaraf dunia dalam menyumbang kepada graduan yang lebih berkualiti. Dana berupa biasiswa perlu diberikan oleh pihak universiti dalam memperolehi para pelajar cemerlang yang mengikuti program pengajian di universiti tersebut dikatakan vital untuk menarik golongan pelajar cemerlang sebagai aset terbaik.

Metodologi

Kaedah penyelidikan kualitatif mengaplikasikan reka bentuk kajian kes adalah pilihan penyelidikan menggunakan teknik temubual separa berstruktur bertujuan memperolehi maklumat mendalam pengalaman kewarganegaran global warga universiti (Seidman, 2006). Pemilihan lapan (8) institusi kajian kes bermatlamat untuk menggarap perspektif mikro pengalaman dua kumpulan informan iaitu ahli akademik ekspatriat dan pelajar antarabangsa berhubung dasar pengantarabangsaan IPT Malaysia. Teknik persampelan bukan kebarangkalian meletakkan kriteria bagi 20 orang akademik ekspatriat yang terlibat secara sukarela dalam kajian ini mestilah berkhidmat lebih dari setahun tetapi kurang dari sepuluh tahun sebagai akademik ekspatriat bagi mengelakkan unsur bias (Patton, 2002). Seramai 44 orang pelajar antarabangsa dari pelbagai IPT sedang mengikuti pengajian sepenuh masa turut berjaya ditemubual. Berfokuskan objektif kajian ini yang merangkumi usaha (a) mengkaji pengalaman pembudayaan nilai luar warganegara global dalam sistem pendidikan tinggi bercorak transnasional, (b) mengemukakan cadangan terhadap dasar dan polisi pengantarabangsaan IPT dengan merujuk secara langsung pengalaman warganegara global tersebut. Proses analisis data induktif menggunakan teknik tematik diaplikasikan menerusi beberapa peringkat pembinaan konsep dan tema (Creswell, 2013). Utiliti penggunaan catatan transkripsi temu bual mendalam, penyelidik mengaplikasikan analisa tematik melalui teknik pengkodan dan pengkategorian, akhirnya mewujudkan corak dan tema yang dijana berdasarkan penilaian pengalaman informan berhubung dasar pengantarabangsaan IPT.

Perbincangan

Pengalaman pembudayaan nilai luar warganegara global dalam sistem pendidikan tinggi bercorak transnasional diperolehi menggunakan penilaian retrospektif terhadap pengalaman mereka sepanjang tempoh berada di negara ini serta dikaitkan dengan cadangan yang dikemukakan terhadap dasar dan polisi pengantarabangsaan IPT. Hasil dapatan mencadangkan pengalaman multidimensi dan dinamik menerusi penggunaan satu dimensi atau tema untuk menerangkan tema yang lain serta menekankan perluasan tema berkaitan interaksi dan hubungan sosial. Perbincangan terbahagi kepada dua perspektif iaitu dari komuniti ahli akademik ekspatriat dan golongan pelajar antarabangsa.

1. Perspektif Ahli Akademik Ekspatriat

Penarafan sebagai universiti bertaraf antarabangsa dibincangkan oleh informan kajian dengan secara khusus merujuk kepada kaedah dan skop penarafan itu sendiri. Kaedah menilai kepersediaan intelektual dan pengiktirafan kesarjanaan universiti tempatan sebagai sebuah institusi pengajian tinggi lebih menekankan kepada 'hasil' pencapaian kecemerlangan akademik iaitu melalui kelayakan berasaskan meritokrasi universiti terkemuka dunia. Beberapa cadangan yang dikemukakan:

- a) **Memperluaskan Pangkalan Direktori Kepakaran IPT dan Polisi 'Brain-Gain':** Pangkalan direktori kepakaran IPT belum mencapai sasaran penanda aras universiti bertaraf antarabangsa dan masih di tahap kurang membanggakan. Sistem galakan kakitangan akademik mengikuti program PhD dan kembali dengan kelulusan cemerlang bakal menjamin sasaran IPT memperolehi 80% ahli akademik mempunyai kelayakan pendidikan doktor falsafah menjelang tahun 2020 (Irma Wani Othman *et al.*, 2012). Bagi melengkapkan ahli akademik yang berasaskan ilmu dan kepakaran maka usaha melahirkan pensyarah muda berkelayakan pascakedoktoran sepatutnya diperhebatkan lagi. Selain dari berperanan sebagai faktor penarik pelajar cemerlang dalam dan luar negara, perlantikan sarjana akademik terkemuka dan berkredibiliti memangkin pembudayaan ilmuan bertaraf global dan menggerakkan usaha penyelidikan secara lebih berfokus dan agresif. Inisiatif '*brain-gain*' melalui polisi menarik saintis luar menerusi program khas sarjana tempatan mahupun sektor korporat dilakukan oleh universiti dengan mencipta peluang pekerjaan dan memberikan taraf kewarganegaraan dan secara tidak langsung menyuburkan iklim akademia negara ini. Gandingan kerjasama ahli akademik tempatan dan antarabangsa melibatkan universiti terkemuka memantapkan lagi kerjasama penyelidikan peringkat antarabangsa yang sekaligus memperkasa taraf pengantarabangsaan IPT itu sendiri.
- b) **Pemantapan Budaya Ilmu Warga Kampus:** Pandangan yang dikemukakan oleh informan kajian merujuk kepada perkembangan iklim akademik IPT Malaysia yang positif dalam usaha memantapkan pembudayaan ilmu. Sistem pendidikan tinggi Malaysia tersohor dengan kepelbagaian warganegara masyarakat universiti mencakupi komuniti ahli akademik ekspatriat dan golongan pelajar berstatus antarabangsa. Namun begitu dalam melahirkan persekitaran budaya ilmu yang kondusif dan matang, kurang inisiatif diberikan bagi usaha pemantapan budaya ilmu warga universiti itu sendiri (Wan Mohd Nor Wan Daud, 1988). Sebagai contoh, golongan pelajar tempatan kurang mengambil peluang dalam memanfaatkan sepenuhnya kelebihan pelajar antarabangsa terutama dari aspek kepelbagaian budaya,

bahasa dan pendidikan yang boleh digarap masuk dalam memantapkan pembudayaan ilmu. Komuniti akademik bertaraf global diasaskan melalui silaturahim warga kampus dari pelbagai latar belakang yang teruja menerokai ilmu serta meletakkan hala tuju masa depan mereka dengan penguasaan ilmu ketika bergelar mahasiswa di universiti. Wujudnya komuniti akademik mesra ilmu, proaktif berwacana dan berwawasan merangsang persekitaran kampus berkualiti dan menjana kelangsungan kesejahteraan warga universiti pelbagai warganegara serta sinonim dengan iklim akademik universiti ternama.

- c) **Inisiatif Prasarana Penyelidikan dan Pembangunan (R&D):** Pandangan umum informan kajian berhubung budaya tidak mesra saintis telah menyukarkan pembangunan penyelidikan itu sendiri. Pengkormersialan produk R&D universiti diperlukan dalam mencapai pengiktirafan dunia iaitu seiring dengan usaha melahirkan “*laureates*” dalam kalangan ahli akademik tempatan (Siti Hamisah Tapsir, 2008). Namun peruntukan kewangan yang menjadi tulang belakang pembangunan prasarana penyelidikan khususnya dalam bidang teknologi dan produk tempatan yang tidak mudah untuk diperolehi. Permasalahan perolehan dana tertumpu pada kerenah birokrasi dan peraturan berhubung polisi dalaman universiti itu sendiri. Justeru itu, pembudayaan penyelidikan disuburkan melalui penganugerahan geran dalaman berdasarkan *niche* universiti masing-masing agar ‘*action-research*’ diimplementasikan secara proaktif dan agresif lantas impak segera dapat dihasilkan. Manakala meraih anugerah penyelidikan meletakkan mereka peluang untuk menyertai pertandingan hasil penyelidikan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Inisiatif menggalakkan penyelidikan juga boleh dimulakan menerusi geran program penyelidikan pascasiswazah bagi membina kemahiran penyelidikan serta merangsang pertumbuhan budaya penyelidikan kampus yang kompetitif. Selain itu, pembudayaan inovatif penyelidikan tidak lagi tertumpu kepada komuniti universiti. Tanggungjawab sosial dalam menjana budaya inovatif khususnya penciptaan barangan, pemikiran, sistem dan kaedah baru berpotensi membolehkan universiti melibatkan masyarakat umum dalam mengembangkan inovatif sebagai salah satu cara memperolehi pengiktirafan antarabangsa.
- d) **Hubungan Baru Industri-Universiti:** Faktor ‘universiti muda’ penyumbang kurang hubungan berbentuk industri-universiti. Faktor kurang kerjasama industri-universiti bagi pengembangan latihan profesional dan program pendidikan mengakibatkan aktiviti tertumpu pada pengkormersialan program pendidikan bagi pelajar prasiswazah dan pascasiswazah sahaja. Kerjasama penyelidikan menerusi pembiayaan dari industri tertumpu hanya isu pengkormersialan harta intelek kepada industri dilakukan melalui honorarium, perlesenan dan komisyen sahaja (Garrick, Chan dan Lai, 2004). Oleh itu, usaha khas menubuhkan syarikat di bawah pengurusan pihak universiti melalui perolehan geran gandingan industri luar memudahkan universiti mendapatkan rakan perkongsian pintar dengan kos jauh lebih rendah serta selaras langkah penjimatan kerajaan. Hubungan langsung dengan rakan kongsi dalam negara meluaskan peluang kebolehpasaran graduan universiti tempatan, sekaligus membuka ruang bagi pihak universiti mengembangkan usaha penjana kewangan sendiri melalui pertubuhan syarikat berasaskan kepakaran dalaman universiti. Walhal perlantikan ahli akademik sebagai perunding profesional industri berupaya menjana pendapatan universiti lantas menyuburkan hubungan jangka masa panjang. Dalam masa yang sama, hasil penyelidikan tersebut seharusnya berupaya menarik minat

syarikat luar untuk mengkomersialkannya. Usaha jaringan penyelidikan dan industri wajar dilaksanakan dengan memberi tumpuan terlebih dahulu kepada institusi dan organisasi dalam negara.

- e) **Pusat Hal Ehwal Hubungan Antarabangsa:** Komitmen universiti dilihat dengan penubuhan pusat hal ehwal hubungan antarabangsa yang bertanggungjawab mendokong misi universiti menuju ke arah pengantarabangsaan melalui jalinan hubungan kukuh di peringkat global, melicinkan aktiviti pertukaran warga akademik, penyelidik dan pelajar, mewujudkan persekitaran pembelajaran kondusif kepada pelajar antarabangsa dan meningkatkan promosi serta aktiviti perekrutan ekspatriat akademik (Wan Mohd Zahid Mohd Nordin, 1994; Universiti Sains Malaysia, 2007). Antara inisiatif yang dilaksanakan oleh universiti meliputi perkara seperti (a) mengadakan “road-shows” yang melibatkan “international education fairs” bagi menarik lebih ramai kakitangan akademik dan pelajar antarabangsa; (b) memperhebatkan lagi hubungan kolaborasi penyelidikan antarabangsa menggunakan “niche areas” kepakaran akademik bagi memperolehi geran penyelidikan dan penerbitan antarabangsa; (c) menggalakkan penglibatan bersama (collaborating partners/institutions) dengan memasuki MoU dan MoAs di peringkat antarabangsa; (d) membentuk unit-unit penyelidikan bekerjasama dengan universiti terkemuka bagi tajaan “fellowships”; (e) menggalakan jalinan hubungan akademik melalui penyertaan persidangan antarabangsa.

2. Perspektif Pelajar Antarabangsa

Dalam konteks sistem pendidikan tinggi Malaysia, pendidikan siswazah merupakan penyedia modal insan berprestasi tinggi yang berkebolehan mengekalkan kelestarian kehidupan sejagat. Sebagai sistem pendidikan tinggi berwawasan mencapai tahap kecemerlangan di peringkat global, liberalisasi warga universiti adalah asas penting dalam pembinaan minda, sikap dan perlakuan insan. Kecemerlangan akademik dan siswazah yang mampu berdaya maju adalah dua elemen vital dalam pembentukan modal insan berprestasi tinggi dalam konteks akademik dan kemanusiaan. Antara cadangan utama yang dimajukan oleh informan kajian ini merangkumi aspek seperti berikut:

- a) **Pengambilan Pelajar Holistik:** Pemilihan siswazah dilakukan berdasarkan pencapaian akademik, kokurikulum dan program pilihan pelajar. *Mismatch* program pengajian yang tidak tepat dengan personaliti, minat, nilai dan potensi sebenar pelajar memberikan kesan terhadap pencapaian akademik yang tidak memuaskan, kekecewaan, pertukaran program dan penarikan diri dari program pengajian (Taib Osman, 1987). Isu ketidakselarasan personaliti dan minat dalam bidang pengajian membawa masalah dalam pekerjaan seperti prestasi kurang memuaskan, produktiviti yang rendah dan potensi yang besar untuk bertukar kerjaya yang diceburi. Secara tidak langsung, mengakibatkan universiti dipersalahkan kerana tidak dapat melahirkan graduan yang baik. Gejala ini merupakan liabiliti yang terpaksa ditanggung oleh pihak universiti di mana ianya turut melibatkan reputasi jangka masa panjang berpunca dari ketidakselarasan - yang sebenarnya dapat ditangani pada peringkat pemilihan calon pelajar lagi. Oleh itu, keselarasan antara program pengajian dengan personaliti dan minat, nilai dan potensi sebenar adalah kritikal dan perlu diambilkira dalam kemasukan dalam program IPT. Melakukan saringan kemasukan

melalui ujian personaliti dan temubual adalah antara yang dicadangkan oleh informana kajian ini.

- b) Program Pembudayaan Siswazah:** Program pembudayaan siswazah wajar diterapkan seawal pendaftaran pada tahun pertama program pengajian di mana pelajar dijangka menghadapi perubahan psikologi apabila terdapat perubahan signifikan dalam kehidupan. Pihak IPT harus peka dalam menjamin kesejahteraan kesihatan mental modal insannya dengan memantau perubahan-perubahan psikososial yang mungkin berlaku pada fasa-fasa transformasi tertentu (Morshidi Sirat, 2007). Seajar dengan usaha tersebut, pihak universiti perlu membangunkan rangkaian sokongan perkhidmatan mental bagi memberikan perkhidmatan terbaik kepada pelajar yang turut menyumbang dalam proses pengantarabangsaan. Inisiatif tersebut memperlihatkan komitmen dan keprihatinan universiti sejajar dengan falsafah ‘menginsani pengajian tinggi’ iaitu ke arah pembangunan modal insan cemerlang. Manakala aspek persediaan peralatan pengajaran dan pembelajaran, peruntukan penyelidikan, polisi pembuatan keputusan dan pengurusan sumber manusia dipertingkatkan kualiti setara pentadbiran universiti bertaraf antarabangsa (Wan Mohd Zahid Mohd Nordin, 1994). Mengukuh usaha ini, kebanyakan universiti menyediakan pusat hal ehwal antarabangsa yang bertanggungjawab secara langsung dalam aspek pembangunan pelajar di mana penekanan kepada peningkatan sahsiah serta pelaksanaan berasaskan konsep 1Malaysia dipertingkatkan. Untuk tujuan tersebut perubahan struktur pengurusan HEPA membawa kepada penubuhan pusat pembangunan pelajar di mana ianya berfokuskan penglibatan pelajar dalam pelbagai program kurikulum yang keseluruhannya diberikan kredit untuk bergraduasi. Usaha tersebut disepadukan bagi menyemarakkan proses integrasi antara kaum dengan merangsang masyarakat kewarnegaraan global selaras dengan pendekatan 1Malaysia.
- c) Platform Idealisme Pelajar:** Mewujudkan platform idealisme pelajar di kampus dianggap tindakan wajar oleh pihak pengurusan universiti dalam usaha menyediakan dan menyuburkan ekosistem ideal untuk mahasiswa belajar di samping mempraktikkan ilmu yang diperolehi (Russell, 1993). Melontarkan pandangan dan hujah mereka terhadap isu-isu yang diketengahkan oleh mereka sendiri menjadi satu cetusan kepada perubahan idealisme mahasiswa yang lebih matang dan rasional dalam tindakan mereka (Shahnoum Ahmad, 1991). Pihak pengurusan universiti wajar memberi mandat kepercayaan kepada mahasiswa melontarkan suara, idea, pandangan berhubung isu semasa isu-isu semasa kampus dan juga isu-isu luar kampus melalui platform perbincangan dan perbincangan antara mahasiswa dengan wakil mereka. Selain itu, pelbagai program boleh diatur untuk membolehkan mahasiswa tempatan dan antarabangsa mendapat manfaat sepanjang pengajian mereka di IPT Malaysia, seiring dengan matlamat pendidikan tinggi negara yang menerokai masa depan melalui pengembelian modal insan dalam satu pasukan yang mendaftarkan ilmu pengetahuan untuk kesejahteraan masyarakat sekeliling. Inisiatif tersebut merupakan usaha universiti menghasilkan pemimpin masyarakat berkaliber demi menggalakkan kegiatan di luar bidang akademik. Selain memupuk perasaan tanggungjawab dan kualiti kepimpinan dalam kalangan pelajar melalui keterlibatan mereka dalam pelbagai aktiviti serta menanam sikap bantu-membantu dalam kalangan pascasiswazah, sinergi positif ini membuktikan bahawa hubungan antara pihak universiti dengan mahasiswa adalah akrab.

- d) **Pembangunan Siswazah Secara Holistik Melalui Program Pembangunan Pelajar Berterusan:** Hasil dapatan kajian mencadangkan dalam usaha untuk menjana graduan yang memiliki kemahiran yang seimbang dan menyeluruh baik dari sudut kualiti intelektual mahupun ketrampilan insaniah, universiti sepatutnya memberi penekanan terhadap pembangunan siswazah secara holistik (Sohail Inayatullah, 2005). Ianya boleh dilakukan dengan memberikan pengiktirafan terhadap penglibatan pelajar dalam program pembangunan siswa sepanjang pengajian mereka di universiti di mana setiap penglibatan aktiviti pelajar di luar keperluan akademik direkodkan dalam pangkalan data secara sistematik dan diletakkan dalam transkrip selepas bergraduasi kelak. Aspek-aspek kemahiran generik yang melibatkan elemen kognitif iaitu kemahiran bukan akademik seperti nilai positif, kepimpinan, kerjasama, berpasukan, komunikasi dan pembelajaran berterusan dikendalikan melalui kursus dan bengkel anjuran HEP universiti. Dalam memenuhi matlamat ini, universiti boleh mengesyorkan beberapa bentuk perkhidmatan sokongan akademik siswazah memberikan fokus meningkatkan pengetahuan, kemahiran insaniah, keupayaan dan kredibiliti pelajar siswazah dalam usaha menghasilkan modal insan berprestasi tinggi. Program ini turut berperanan sebagai jambatan untuk pelajar siswazah tempatan membantu rakan-rakan dari luar negara perkara yang berkaitan dengan kehidupan sebagai pelajar siswazah dan melibatkan diri sebagai mentor kepada pelajar antarabangsa.
- e) **Kualiti Perkhidmatan Seimbang dan Peningkatan Kualiti Program:** Melalui hasil dapatan kajian ini, informan meletakkan kualiti perkhidmatan sebagai merujuk perbandingan antara jangkaan pelanggan dengan persepsi mereka terhadap perkhidmatan yang telah diterima di mana ianya ditakrifkan sebagai penilaian pelajar antarabangsa terhadap keseluruhan kecemerlangan perkhidmatan yang memenuhi jangkaan dan keperluan mereka. Jika jangkaan melebihi prestasi, hal ini bermakna pelanggan akan kurang berpuas hati terhadap perkhidmatan yang diberikan oleh universiti tersebut. Justeru itu, jurang antara jangkaan pelanggan dan prestasi semasa dapat dikurangkan dengan memperbaiki kecekapan perkhidmatan di mana nilai terbaik pengukuran kualiti perkhidmatan ialah keadaan apabila jangkaan pelanggan memenuhi persepsi pelanggan, dan semakin besar nilai negatif sesuatu pengukuran, semakin tinggi komitmen yang perlu diberikan berkenaan. Menyokong usaha tersebut, inisiatif peningkatan kualiti terhadap proses pengurusan dilaksanakan seperti pengiktirafan melalui Sijil ISO unit audit dalaman setiap universiti berfungsi secara vital demi menimbulkan kesedaran terhadap kekurangan yang berlaku dalam pengurusan sumber manusia. Program peningkatan kualiti akademik bagi program yang ditawarkan dinilai semula berupaya memenuhi struktur baru Kerangka Kelayakan Malaysia atau MQF (Morshidi Sirat, 2007). Selain itu, perancangan penawaran program terkini dan relevan bagi memenuhi kehendak kontemporari ditawarkan secara berperingkat seiring dengan proses pengambilan dan latihan pembangunan ahli akademik.

Kesimpulan

Intensiti proses pengantarabangsaan pendidikan tinggi di Malaysia menjadi satu alasan yang kukuh untuk melaksanakan perubahan dalam pendidikan tinggi negara (Sohail Inayatullah, 2005; 2006). Aspirasi melahirkan masyarakat transnasionalisme melalui kewarganegaraan

global mewujudkan identiti komuniti universiti berstatus tanpa sempadan (*borderless universities*) dengan mengenyahkan warna kulit warga universiti yang mendokong misi merasionalisasi pegangan hidup sejagat serta meliberalisasikan adat resam budaya sesebuah bangsa (A. Aziz Deraman, 2001). Perbahasan dunia akademia memperdebatkan sama ada penglibatan kewarganegaraan global dikatakan berupaya mengugat autonomi universiti dalam menentukan hala tuju ehwal akademik dan tadbir urus sumber manusia ataupun kewujudan mereka bermanfaat dalam mencorak keperluan dan kepentingan strategik universiti seiring dengan peralihan kontemporari pendidikan tinggi telah dijadikan fokus perbincangan kajian ini. Justeru itu, kajian pengalaman kewarganegaraan global berdasarkan pembudayaan nilai luar tersebut dikatakan signifikan dengan dasar pengantarabangsaan IPT serta boleh diutilasikan oleh pembuat polisi, akademik ekspatriat dan pelajar antarabangsa. Cadangan yang dikemukakan oleh para akademik ekspatriat serta pelajar antarabangsa berpotensi mengukuhkan status universiti tempatan sebagai universiti berprestij dan menempatkannya di persada antarabangsa.

Rujukan

- A.Aziz Deraman. 2001. Masyarakat dan Kebudayaan Malaysia. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Latif Samian. 2005. “Strategi merealisasikan program pemekaan perpaduan di Institusi Pengajian Tinggi Awam” dlm. Readings on Ethnic Relations in a Multicultural Society, disunting oleh Muhammad Kamarul Kabilan dan Zaharah Hassan. Serdang: Penerbit UPM.
- Creswell, J. 2013. Qualitative Inquiry and Research Design. Choosing among five approach. Los Angeles: Sage Publication Ltd.
- Garrick, J., Chan, A. and Lai, J. 2004. University Industry Partnerships: Implications for Industrial Training, Opportunities for New Knowledge. Journal of European Industrial Training. 28(2/3/4).
- Irma Wani Othman, Muhammad Safuan Yusoff, Mohd Kamal Mohd Shah dan Norazah Mohd Suki. 2013. Expatriate Faculty Retention In The Public Higher Education Institution in Malaysia. Project Code: RE-06, PEREKA Research and Innovation Competition 2013. Universiti Malaysia Sabah. p.58.
- Irma Wani Othman, Norazah Mohd Suki dan Muhammad Safuan Yusoff. 2012. Kajian Eksploratif Pengalaman Kerjaya Antarabangsa Ekspatriat Akademik di Institusi Pengajian Tinggi Malaysia. Labuan e-Journal of Muamalat and Society. Vol. 6:45-63.
- Lee Lik Meng. 2006. Developing The Framework to Identify Focal Issues and Driving Forces for Higher Education in Malaysia. 18 September 2006.
- Ministry of Higher Education (MOHE).web_statistik/perangkaan_2013. Available online from http://www.mohe.gov.my/web_statistik/index.htm.n.d. Diakses: September 2016.
- Morshidi Sirat. 2007. Model Sistem Pendidikan Tinggi dan Universiti untuk Malaysia: Kerangka dan Pengisiannya. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Nazri Bin Muslim. 2000. “Membudayakan Sikap Toleransi Antara Kaum”. Berita Harian, 23 Februari 2000.
- Patton, M. Q. 2002. Qualitative research & evaluation methods (3rd edition). Thousand Oaks, CA: Sage.
- Richardson, J. and McKenna, S. 2003. International Experience and Academic Careers. Personnel Review. 32 (6).

- Russell, C. 1993. *Academic Freedom*. London: Routledge.
- Seidman, I. 2006. *Interviewing as Qualitative Research: A Guide for Researchers in Education and the Sciences*, (3rd ed.). Teachers College Press.
- Shahnom Ahmad. 1991. *Kebebasan Akademik*. Akademia: Menjelang Tahun 2000. Pulau Pinang: PKAPUSM.
- Shamsul A.B. 1992. *Malaysia in 2020, One State many Nation?: Oberving Malaysia*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Siti Hamisah Tapsir. 2008. *The University Industry Partnerships Fostering Strategic Linkages at Institutes of Higher Learning in Malaysia*. Skudai: Research Management Centre, Universiti Teknologi Malaysia.
- Sufean Hussin. 2002. *Inovasi Dasar Pendidikan Perspektif Sistem dan Organisasi*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Sumit, K. Mandal. 2000. *Menimbang Semula Globalisasi Budaya: Bahasa Inggeris di Malaysia*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sohail Inayatullah. 2005; 2006. *Images and Trends in Intention: The Alternative Future of the University*. Universiti Sains Malaysia, Penang.
- Sohail Inayatullah. 2005. *Creating The Future of Higher Education in Malaysia: Implications for USM*. Universiti Sains Malaysia, Penang.
- Taib Osman. 1987. *Kembali Kepada Asas: Pengajian Tinggi dan Isu-isu Lain*. Jabatan Pengajian Melayu. Universiti Malaya. Bil. 7.
- Universiti Sains Malaysia. 2007. *Constructing Future Higher Education Scenarios: Insight from Universiti Sains Malaysia*. Penang, Universiti Sains Malaysia Press.
- Wan Mohd Nor Wan Daud. 1988. *Budaya Ilmu: Konsep Prasyarat dan Pelaksanaan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.
- Wan Mohd Zahid Mohd Nordin. 1994. *Wawasan Pendidikan: Agenda Pengisian*. Kuala Lumpur: Cahaya Pantai Publishing.